

TAHAP KESEDIAAN GURU DALAM PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI RUMAH (PdPR): KAJIAN TINJAUAN DI SALAH SEBUAH SEKOLAH KELOLAAN YAYASAN PENDIDIKAN ISLAM SELANGOR (YAPIS)

(Level of Teacher Readiness in the Implementation of Teaching and Learning at Home (PdPR): A Survey in One of the Schools Managed by the Selangor Islamic Education Foundation (YAPIS))

*Julia Madzalan, Mohd Faez Ilias, Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Annasai Jamar, Hasrol Basir

Submitted: 22-May-2022
Accepted: 22-May-2022
Revised: 13-Dec-2022
Published: 20-Dec-2022

Fakulti Pendidikan
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

*Corresponding author's email: julia@kuis.edu.my

Abstrak

Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) merupakan satu inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam meneruskan pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara dalam talian. Walaupun negara dilanda pandemik COVID-19, proses pendidikan tetap diteruskan atas cadangan dan usaha pihak berkepentingan dalam memastikan institusi pendidikan dapat beroperasi seperti sebelumnya. Pelaksanaan PdPR dilihat memberi impak yang positif kepada pelajar, namun tidak kurang juga kesannya kepada guru yang mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap kesediaan guru dalam pelaksanaan PdPR dan mengenalpasti tahap pengetahuan guru dalam pelaksanaan PdPR. Dapatan kajian diperolehi menggunakan instrumen soal selidik yang dibina dengan merujuk kepada literatur yang telah menjalankan kajian mengenai tahap kesediaan guru. Soal selidik ini diedarkan kepada 22 orang guru di salah sebuah sekolah swasta kelolaan Yayasan Pendidikan Selangor (YAPIS). Dapatan kajian dianalisis secara deskriptif terhadap item-item bagi konstruk tahap kesediaan dalam pelaksanaan PdPR dengan nilai min 4.02 sisih piawai 0.74. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini memberi impak kepada kompetensi diri dalam melaksanakan PdPR yang dijangka berterusan walaupun sesi persekolahan bersemuka akan dilaksanakan dalam masa terdekat. Dapatan kajian ini juga memberi manfaat kepada pihak pengurusan sekolah dalam merancang latihan dalam perkhidmatan bagi memantapkan pengetahuan dan kemahiran guru dalam melaksanakan PdPR.

Kata kunci: Kompetensi pengetahuan, Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR), Kesediaan Guru

Abstract

Teaching and Learning at Home (PdPR) is an initiative of the Ministry of Education Malaysia (MOE) in the implementation of Teaching and Learning (PdP) online. Despite the COVID-19 pandemic, the education process continues the recommendation and efforts of stakeholders to ensure that educational institutions can operate as before. The implementation of PdPR is seen as having a positive impact on students, but not least the impact on teachers who handle the teaching and learning process. Therefore, this study aims to identify the level of readiness of teachers in the implementation of PdPR and to identify the level of knowledge of teachers in the implementation of PdPR. The findings of the study were obtained using questionnaire instruments built with reference to the literature that has conducted studies on the level of readiness of teachers. This questionnaire was distributed to 22 teachers in one of the private schools managed by Yayasan

Pendidikan Selangor (YAPIS). The findings of the study were descriptively analysed on items for the construct of readiness level in the implementation of PdPR with a mean value of 4.02 standard deviations of 0.74. Overall, the findings of this study have an impact on self-sufficiency in implementing PdPR which is expected to continue even though face-to-face schooling sessions will be conducted in the near future. The findings of this study also benefit the school management in planning in-service training to strengthen the knowledge and skills of teachers in implementing PdPR.

Keywords: knowledge competency, teaching and learning at home (PdPR), teacher readiness

1.0 PENDAHULUAN

Pengajaran secara dalam talian adalah kebiasaan baharu (*new norms*) sejak penularan pandemik COVID-19 hingga menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka tergendala dan ditangguhkan di seluruh dunia bermula pada awal Mac tahun 2020 hingga kini. Sektor pendidikan turut menghadapi kesan berlakunya penularan pandemik ini yang membuatkan banyak pihak perlu membiasakan diri dengan norma baharu yang tidak pernah terjangkau oleh akal fikiran sebelum ini. Sebagai warga pendidik, guru perlu membiasakan diri bagi memenuhi keperluan asas dalam pendidikan dalam memastikan proses pengajaran dan pembelajaran mencapai objektif yang ditetapkan. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) menetapkan bahawa setiap pelajar perlu mendapat akses kepada pendidikan untuk mencapai potensi diri sebagai persediaan kehidupan untuk masa hadapan (KPM, 2011). Para pelajar juga berhak mendapat peluang mengikuti pendidikan, meskipun mereka tidak dapat hadir ke sekolah. Maka, penggunaan pendekatan yang baharu perlu dilaksanakan bagi mengatasi isu akses pendidikan lanjutan daripada penularan pandemik pada masa kini.

Untuk terus kekal relevan dalam dunia pendidikan pada masa kini, institusi pendidikan sentiasa berusaha ke arah mengintegrasikan penggunaan teknologi informasi dan komunikasi (ICT) ke dalam kurikulum mereka. Keperluan ini lebih meruncing dengan mengambilkira situasi pendidikan yang sedang dialami di seluruh dunia kerana penularan pandemik COVID-19. Oleh kerana penggunaan elemen ICT di dalam proses pengajaran dan pembelajaran akan menyediakan pengalaman pembelajaran yang lebih menyeluruh kepada para pelajar (Wong & Fong, 2014), maka pendekatan pembelajaran teradun atau '*blended learning*' menyemarakkan lagi usaha penyampaian kandungan pembelajaran ini. Pendekatan ini terus menjadi pilihan kerana ia bersifat fleksibel dan menjanjikan akses yang lebih tinggi. Sebagai inisiatif, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memperkenalkan manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) pada tahun 2020 yang merupakan panduan kepada guru untuk melaksanakan proses PdPR secara berstruktur dan terancang supaya dapat diikuti oleh para pelajar secara optimum (KPM, 2020).

2.0 LATAR BELAKANG DAN PERNYATAAN MASALAH

Dunia pendidikan pada hari ini menjadi semakin moden dan mencabar. Para pelajar semakin terdedah dengan penggunaan media sosial dan gajet terkini (Manap & Abdul Karim, 2017) sehingga kadang-kadang melebihi kemahiran para guru. Inovasi dan pendekatan yang pelbagai diperlukan bagi menjadikan pengajaran dan pembelajaran (P & P) agar diminati selaras dengan matlamat pendidikan (Nor Azilah Ahmad et. al., 2017). Contohnya, terdapat sesetengah murid sukakan pembelajaran

yang *fast-paced*, kerana mereka terdedah dengan sumber ilmu yang membantu pengayaan pengetahuan. Namun, terdapat juga pelajar di dalam kelas yang sama mungkin sedikit lemah penguasaan ilmunya. Maka mereka ini memerlukan tempoh masa yang lebih panjang untuk memahami kandungan pengajaran yang disampaikan. Oleh itu, guru haruslah mengambilkira setiap aspek berkaitan kemahiran pelajar semasa merancang pengajaran bagi memastikan pelajar dapat memanfaatkan proses PdP dengan sempurna dalam pengajaran dan pembelajaran (Zimmer, Gill, Booker & Lockwood III, 2007) yang berhasrat supaya semua pelajar mendapat manfaat dalam sesi PdP yang dilaksanakan.

Cabaran dalam Revolusi Industri 4.0 turut memberikan impak yang signifikan dalam menjadikan pelajar sebagai generasi digital (Badru, Asman, & Orlando, 2020). Para pelajar yang merupakan generasi muda sering terdedah dengan penggunaan gajet terkini dan media sosial. Oleh yang demikian, tidak hairan jika pelajar lebih mahir menggunakan alatan teknologi berbanding guru-guru. Buktinya, Facebook melaporkan jumlah pengguna yang mencapai 750 juta orang di seluruh dunia setakat pertengahan tahun 2011. Di Malaysia sendiri, hampir 20 juta penduduk menggunakan internet dengan lebih 15 juta orang mempunyai akaun Facebook. Hal ini menunjukkan penggunaan gajet dan media adalah satu kebiasaan bagi penduduk di negara ini. Namun, dengan pelaksanaan PdPR di Malaysia sejak Mac 2020, terdapat cabaran yang perlu dipandang serius seperti tahap kesiapan guru terhadap norma baru PdPR (Thannimalai, 2021) yang memerlukan perhatian segera. Tambahan lagi bagi guru-guru agama yang mengajar di sekolah swasta, mereka perlu bergantung kepada sumber-sumber yang terhad berbanding guru sekolah bantuan kerajaan bagi melaksanakan proses PdP.

2.1 Guru Agama (Pendidikan Islam Sekolah Swasta)

Pendidikan dalam Islam dapat disimpulkan sebagai suatu proses mengasuh dan mendidik, membela, mematuhi arahan pemimpin, membuang sifat yang tercela kepada kelakuan yang terpuji dan membentuk sikap belajar. Pendidikan Islam juga merupakan suatu proses melaksanakan falsafah pendidikan dan menterjemahkannya secara realiti dalam kehidupan seharian (Razaleigh, 2014). Dalam dunia pendidikan kini, sekolah dan guru mempunyai peranan yang sangat penting kerana mereka telah mengambil alih sebahagian besar tugas keluarga untuk mendidik generasi muda (Razaleigh, 2014). Guru pendidikan Islam berperanan dalam memberikan pendidikan dan pengetahuan kepada pelajar dalam bidang pendidikan Islam seperti tilawah al-Quran, hadith, ibadah, akidah dan tamadun Islam yang memberikan perubahan kepada diri pelajar dan menjadi Islam sebagai cara hidup.

2.2 Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah

Di Malaysia, PdPR mula dilaksanakan bagi mengatasi kemelut akses pendidikan kerana penularan pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia. "*PdPR ialah PdP yang dilaksanakan di rumah atau pusat komuniti atau di mana-mana lokasi yang bersesuaian. PdPR boleh dilaksanakan dalam talian dan/atau luar talian dan/atau off-site dengan berstruktur dan terancang*" (KPM, 2020). Manual PdPR yang dihasilkan oleh KPM turut memberikan garis panduan untuk pelaksanaan PdPR dengan objektifnya sebagai panduan ke arah pelaksanaan secara berstruktur dan terancang serta memastikan penglibatan murid bagi mencapai tahap optimum. Manual ini memberikan panduan tentang kaedah, pendekatan dan pelaksanaannya sebagai panduan untuk para guru dengan mengambilkira akses internet sebagai wadah utama pelaksanaannya. Sejak ia diperkenalkan, guru-guru sentiasa aktif menyediakan bahan-bahan pengajaran bagi meneruskan proses PdP

semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuatkuasa sejak 18 Mac 2020 dan berterusan sehingga Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) sekarang (Thannimalai, 2021). Maka, warga pendidik perlulah melengkapkan diri mereka dengan penguasaan teknologi digital bagi menghadapi cabaran ini.

2.3 Kesiediaan guru

Kekangan dan kesukaran dalam melaksanakan PdPR walaupun peralatan dan internet yang diperlukan boleh diakses (Mansor, 2021). Walaupun terdapat penerbitan Garis Panduan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk Sekolah-sekolah Agama Negeri oleh Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS) (2021), ianya hanyalah garis panduan umum yang mengandungi tatacara pelaksanaan PdP norma baharu yang merupakan suntingan daripada Garis Panduan PdPR yang diterbitkan oleh KPM. Ia tidak memberikan latihan khusus bagi membantu guru mempersiapkan diri bagi pelaksanaan PdPR. Terdapat pelbagai kebimbangan yang timbul apabila ingin melaksanakan kaedah pembelajaran secara atas talian (Ngadi, 2020). Oleh itu, kajian ini berhasrat untuk meninjau persepsi guru Agama di sebuah sekolah swasta bagi mengkaji kesiediaan mereka terhadap pendekatan PdPR bagi meneruskan proses pendidikan kepada para pelajar.

3.0 OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti persepsi guru terhadap kesiediaan mereka dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) lanjutan daripada penularan pandemik COVID-19 bagi tujuan mencapai objektif pendidikan. Walaupun guru-guru menghadapi kekangan dalam menjalankan proses pengajaran semasa musim pandemik akibat penularan COVID-19, mereka dilihat mempunyai keazaman yang tinggi dalam menggunakan teknologi semasa bagi menjalankan proses tersebut. Maka kajian ini berhasrat untuk meninjau tahap kesiediaan guru-guru YAPIS dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumah.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk tinjauan dengan menggunakan soal selidik yang diadaptasi yang telah disahkan oleh dua orang pakar penilai yang berpengalaman pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di rumah terhadap dan mempunyai nilai kebolehpercayaan yang baik (Cresswell, 2014) Sampel kajian ini dipilih secara rawak (Othman Talib, 2014). Sampel kajian ini adalah seramai 22 orang responden sahaja. Sampel bagi kajian ini adalah guru-guru yang mengajar di salah sebuah sekolah swasta di kawasan luar bandar negeri Selangor.

5.0 ANALISIS DAN PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Dalam mengkaji persepsi guru agama dan tahap kesiediaan mereka terhadap proses pengajaran dan pembelajaran di rumah, satu set soal selidik telah diedarkan kepada sampel kajian. Jadual 1 menunjukkan interpretasi skor min yang diadaptasi daripada Jamil (2002) dalam Nurul Aisyah, Zamri dan Nor Azwa Hanum (2016) yang digunakan bagi tujuan analisis statistik deskriptif.

Jadual 1: Interpretasi skor min

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 hingga 2.33	Rendah
2.34 hingga 3.66	Sederhana
3.67 hingga 5.00	Tinggi

Hasil dapatan dari edaran soal selidik tersebut boleh dilihat melalui Jadual 2: Item Tahap Kesiapan Guru Agama di bawah.

Jadual 2: Item Tahap Kesiapan Guru Agama

KEKERAPAN & PERATUS									
No	Item	STS	TS	KS	S	SS	Min	SP	Int.
1	Saya bersedia menerima pelaksanaan PdPR dengan menggunakan aplikasi teknologi yang ada.	1 4.5%	0	1 4.5%	12 54.5%	8 36.4%	4.18	0.90	Tinggi
2	Saya suka perbincangan PdPR dengan menggunakan aplikasi teknologi yang ada.	1 4.5%	1 4.5%	2 9.1%	11 50%	7 31.8%	4.00	1.02	Tinggi
3	Saya menerima maklum balas yang diberikan oleh pelajar semasa sesi perbincangan PdPR dengan menggunakan aplikasi teknologi yang ada.	1 4.5%	0	3 13.6%	12 54.5%	6 27.3%	4.00	0.92	Tinggi
4	Saya bersedia berkomunikasi dengan pelajar menggunakan aplikasi teknologi yang ada semasa pelaksanaan PdPR.	0	2 9.1%	1 4.5%	11 50.0%	8 36.4%	4.13	0.88	Tinggi
5	Saya bersedia menggunakan aplikasi teknologi semasa PdPR dilaksanakan.	0	1 4.5%	2 9.1%	13 59.1%	6 27.3%	4.09	0.75	Tinggi
6	Saya mempunyai motivasi untuk mempelajari aplikasi teknologi yang akan digunakan semasa pelaksanaan PdPR.	0	0	3 13.6%	11 50.0%	8 36.4%	4.22	0.68	Tinggi
7	Saya mempunyai masa yang mencukupi untuk menggunakan aplikasi teknologi dalam melaksanakan PdPR.	1 4.5%	1 4.5%	7 31.8%	9 40.9%	4 18.2%	3.63	1.00	Sederhana
8	Saya lebih selesa memberi maklum balas secara terus menggunakan aplikasi	0	2 9.1%	3 13.6%	11 50.0%	6 27.3%	3.95	0.89	Sederhana

teknologi yang sesuai semasa pelaksanaan PdPR.							
n =22		Min = 4.02		SP = 0.74			

Hasil dapatan kajian ini, dapat dilihat bahawa tahap kesiapan guru-guru Agama di sekolah swasta terhadap proses pengajaran dan pembelajaran di rumah berada pada tahap sederhana dan tinggi berdasarkan jadual interpretasi skor min seperti yang diadaptasi dari Jamil (2002).

Julat skor min adalah di antara 3.63 hingga 4.22. Item yang mendapat skor min paling rendah adalah item 7 "*Saya mempunyai masa yang mencukupi untuk menggunakan aplikasi teknologi dalam melaksanakan PdPR.*". Terdapat 40.9% responden menyatakan setuju dengan pernyataan ini, diikuti dengan 18.2% menyatakan sangat setuju dengan pernyataan ini. Walaupun lebih daripada separuh responden bagi kajian ini menyokong pernyataan pada item 7, adalah penting untuk diperhatikan bahawa item ini mempunyai bilangan tertinggi bagi responden yang menyatakan kurang setuju hingga sangat tidak setuju berbanding item lain yang terdapat di dalam soal selidik ini. Terdapat sembilan responden iaitu 40.8% menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk menggunakan aplikasi teknologi dalam melaksanakan PdPR.

Hasil analisis bagi soal selidik ini mendapati bahawa item yang mendapat skor min paling tinggi adalah item 6 "*Saya mempunyai motivasi untuk mempelajari aplikasi teknologi yang akan digunakan semasa pelaksanaan PdPR.*" Terdapat 19 orang responden menyatakan persetujuan mereka dengan pernyataan ini dengan lapan responden (36.4%) menyatakan sangat setuju dan 11 orang responden (50%) menyatakan setuju dengan pernyataan ini. Hanya tiga orang responden menyatakan kurang setuju dengan pernyataan tersebut. Hal ini menunjukkan sejumlah besar responden dalam kajian ini mempunyai semangat dan motivasi untuk mempelajari aplikasi teknologi yang akan digunakan semasa pelaksanaan PdPR.

Dapatan ini menunjukkan bilangan yang kecil kerana jumlah responden yang sedikit. Namun ini memerlukan kajian yang lebih menjurus kepada faktor persediaan beserta kekangan masa dalam kalangan guru agama swasta dalam menjalankan PdPR. Mungkin penambahbaikan dari segi kaedah kajian atau pertambahan jumlah responden akan memberikan dapatan yang lebih menyeluruh dalam perkara ini.

6.0 KESIMPULAN

Tuntutan pengajaran secara dalam talian pada masa kini memerlukan ketekalan para guru agar sentiasa memikirkan medium yang paling sesuai untuk menyampaikan kandungan pengajaran. Persaingan dengan persekitaran, faktor kesiapan peralatan yang diperlukan untuk proses pengajaran serta cabaran mengekalkan tumpuan pelajar menjadikan guru sentiasa bersemangat untuk mempelajari aplikasi teknologi yang paling bersesuaian untuk digunakan semasa PdPR berlangsung. Kesiapan guru dalam penggunaan bahan pengajaran secara atas talian ini memerlukan ilmu pengetahuan yang terkini, kemahiran pengajaran yang tersusun, serta motivasi yang berterusan dalam melaksanakan pengajaran. Kesiapan dalam merancang pembinaan bahan pengajaran dan masa penyediaan diperlukan dalam memastikan pengajaran dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Berdasarkan tinjauan persepsi guru-guru Agama di sekolah swasta, cabaran utama yang dikenalpasti dalam melaksanakan PdPR adalah faktor masa dan aspek persediaan dalam bentuk latihan penggunaan aplikasi teknologi yang berkaitan.

7.0 RUJUKAN

- Badru, N., Asman, S. & Orlando, H. (2020). Cabaran Revolusi Industri 4.0: Satu Proposisi Berganda Mahasiswa & Graduan Universiti. 1. 1-25
- Bahagian Pendidikan Islam JAIS (2021) Garis Panduan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) semasa Perintah Kawalan Pergerakan (Pkp) untuk Sekolah-sekolah Agama Negeri. Kemaskini 23 FEBRUARI 2021 diakses dari <https://pendidikan.jais.gov.my/>
- Creswell, J. W. (2014) *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. Thousand Oaks, California: SAGE Publications.
- Ehwan Ngadi. (2020). COVID19: Implikasi Pengajaran dan Pembelajaran Atas Talian. Diakses pada 23 Julai 2021 dari <https://www.usim.edu.my/news/in-our-words/covid19-implikasi-pengajaran-dan-pembelajaran-atas-talian/>
- Jamil Ahmad (2002) dalam Nurul Aisyah Abdullah, Zamri Mahamod & Nor Azwa Hanum Nor Shaid (2016) Faktor-faktor yang Mempengaruhi Penulisan Karangan Bahasa Melayu Pelajar Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)* Vol. 6, Bil. 2 (Nov. 2016): 1-9. ISSN: 2180-4842
- Manap, F. F. & Abdul Karim, A. (2017) Pengaplikasian Media Sosial sebagai Alternatif Pengajaran & Pembelajaran dalam Kalangan Pelajar Pengajian Tinggi. *Prosiding International Conference on Learning Innovation and Quality Education, 2nd Series 2017*.
- Mansor, A. N. dalam Kamarudin, K. (2021) Mantapkan PdPR elak keciciran pelajar. *UTUSAN Sarawak*, 25 Januari 2021 diakses dari <https://www.utusanborneo.com.my/2021/01/20/mantapkan-pdpr-elak-keciciran-pelajar>
- Nor Azilah Ahmad, Norunnajah Ahmat, Mohamad Zahir Zainuddin & Siti Nor Wardatulaina Mohd Yusof. (2017) Pembaharuan Teknik Pengajaran & Pembelajaran (P&P) Subjek Sejarah dan Tamadun Melalui Aplikasi Teknologi Kreatif Keperluan Masa Hadapan. *Proceeding of International Conference of Empowering Islamic Civilization. Research Institute for Islamic Product and Malay Civilization (INSPIRE) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniZA)*.
- Othman Talib. (2013) *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan & Statistik*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Razaleigh Muhamat @ Kawangit (2014) PERANAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DALAM PENGURUSAN AKTIVITI DAKWAH DI SEKOLAH. Available From: https://www.researchgate.net/publication/301887153_PERANAN_GURU_PENDIDIKAN_ISLAM_DALAM_PENGURUSAN_AKTIVITI_DAKWAH_DI_SEKOLAH [accessed Sep 12 2021].
- Thannimalai, T. (2021) Cabaran PdPR Bahasa Tamil di Sekolah Luar Bandar. *MJSSH Online: Volume 5 - Issue 3 (July, 2021), Pages 150 – 158 e-ISSN: 2590-3691*. <https://doi.org/10.33306/mjssh/147>
- Wong, L., & Fong, M. (2014). Student attitudes to traditional and online methods of delivery. *Journal of Information Technology Education: Research*, Volume 13, pp. 1-13. Retrieved on 1 July 2021 from <http://www.jite.org/documents/Vol13/JITev13ResearchP001-013Wong0515.pdf>
- Zimmer, R., Gill, B., Booker, K., & Lockwood III, J. (2007). State and Local Implementation of the “No Child Left Behind Act” Volume I-Title I School Choice, Supplemental Educational Services, and Student Achievement. A

Report from the National Longitudinal Study of "No Child Left Behind"(NLS-"NCLB"). US Department of Education, 62.